

26 JUL 1996

Anwar - Mahathir

RAKYAT TIDAK PERLU BIMBANG AKAN KESIHATAN PERDANA MENTERI, KATA ANWAR

PULAU PINANG, 26 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata rakyat tidak perlu bimbang dengan kesihatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sekarang (Dr Mahathir) demam sikit, oleh yang demikian kita bagi nasihat supaya beliau berehat," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai kesihatan Perdana Menteri.

"Takkanlah (Dr Mahathir tidak boleh demam)..saya pun kadang-kadang demam," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang di sini.

Katanya, jika mengikut Perdana Menteri, beliau mahu bekerja juga tetapi telah dinasihatkan supaya berehat dan menangguhkan program-program beliau ke minggu depan.

"Walaupun dia boleh pergi (merasmikan mesyuarat UMNO Kubang Pasu esok) saya fikir kesihatan beliau penting juga, jadi biarlah beliau berehat dahulu", jelasnya.

Sehubungan itu, Anwar berkata beberapa program Perdana Menteri seperti mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu esok ditangguhkan hingga 4 Ogos.

"Insyallah.. program beliau yang lain akan mengikut jadual yang biasa mulai Isnin ini.

Mengenai kejatuhan harga saham berikutan spekulasi berhubung kesihatan Dr Mahathir, Anwar berkata," ada baik juga mereka melihat pentingnya kesihatan Perdana Menteri, kalau dia (Dr Mahathir) demam sikit (pasaran) turun sikit tak apalah..",

Mengenai mesyuarat jawatankuasa itu, Anwar berkata jawatankuasa itu akan meneliti terutamanya prestasi kemajuan beberapa projek termasuk pembangunan projek-projek lama untuk melihat keberkesanan pelaksanaannya.

Anwar menegaskan masyarakat dan penduduk Melayu perlu diberi penjelasan yang teliti supaya mereka faham mengenai peluang dan keutamaan yang diberi kepada mereka.

Katanya apabila projek dibangunkan untuk bumiputera di kawasan-kawasan tertentu di negeri ini, perkara itu hendaklah jangan dipermudahkan sehingga diketepikan kepentingan penduduk tempatan.

Sehubungan itu, pembangunan rumah mesti mengikut keupayaan penduduk dengan tidak meninggalkan pembangunan rumah kos rendah dan sederhana walaupun ada kos subsidi untuk membangunkan rumah kos tinggi.

Garis panduan ini tidak boleh diketepikan di bawah program pembangunan Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang, jelasnya.

Anwar berkata perkara itu perlu diperjelaskan di peringkat akar umbi jika tidak ia mungkin menimbulkan kebimbangan dan salah faham di kalangan penduduk tempatan.

Mesyuarat itu juga membincangkan keputusan-keputusan lama mengenai keresahan di kalangan masyarakat Bumiputera bahawa tidak ada langkah tambahan untuk membangunkan kawasan Melayu di bandar ini termasuk di Jelutong, Tanjung, Bukit Bendera dan beberapa kawasan lain.

Oleh yang demikian projek pembangunan di Kampung Tengah di sini yang telah dipersetujui rancangannya, akan dibangunkan mengikut jadual, katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta kerjasama kerajaan negeri memastikan perkara itu dilaksanakan kerana jika dibiarkan berterusan, lambat laun tidak ada sama sekali penduduk Melayu di bandar besar di negeri ini. --

BERNAMA

NH FAZ